

13

DIREKTORI PERKAHWINAN

KONSEP PERKAHWINAN, PERSALINAN SERTA STAIL SOLEKAN ANTARA FOKUS UTAMA BAKAL PENGANTIN DAN MENJADI TUMPUAN PARA TAMU YANG DIJEMPUT KE MAJLIS. GLAM MENYENARAIKAN 13 NAMA POPULAR YANG MENJADI PILIHAN BUAT MEREKA YANG MENGIDAMKAN PERKAHWINAN MEWAH LAGI BERCITA RASA TINGGI.

1 HABIB JEWELS Jika anda inginkan *solitaire* dan set cincin perkahwinan, Habib Jewels sentiasa tampil dengan koleksi rekaan unik dengan promosi berpatutkan. Diasaskan oleh Datuk Meer Habib dan Datin Zarida Noordin, koleksi barang kemas Habib Jewels diinspirasikan oleh warisan tanah air dengan piawaihan bertaraf dunia. Perkahwinan adalah simbol komitmen, kesetiaan dan dedikasi seumur hidup dan Habib Jewels adalah pilihan tepat dalam membantu anda memilih barang kemas yang betul sebagai tanda ikatan di hari paling istimewa. Malah, nilainya yang amat berharga turut sesuai dijadikan aset cincin perkahwinan turun temurun.

2 RIZALMAN IBRAHIM Koleksi pengantin Rizalman Ibrahim memperkenalkan ciri-ciri sofistikated rekaan Melayu kontemporari - romantis, moden dan *trendy*. Rekaan kebaya klasik dan kurung dengan siluet baru yang menyerlah digabungkan dengan sentuhan Barat seperti *bustier*, *mermaid cut*, *ruche* penuh dan sutera sifon lembut yang melekat cantik pada tubuh. Untuk



Koleksi Pengantin 2011, Rizalman tampil dengan busana tradisional yang disuntik dengan elemen avant-garde. Pendekatan Rizalman jelas memberi tumpuan kepada siluet yang menekankan potongan cantik, selari dengan sifatnya yang *perfectionist*. Rekaan Rizalman banyak menggunakan sulaman tangan *French lace* lengkap dengan perhiasan manik dan kristal Swarovski. Dengan penggunaan fabrik sutera dan sifon berkualiti tinggi serta kemasan hiasan buatan tangan menawarkan gaya dan sentuhan kemewahan tulen, jelas membuktikan ketajaman pemikiran Rizalman dalam menggunakan pendekatan intelektual dalam rekaan busana pengantin.

3 KHIR KHALID Jurusolek yang terkenal dengan tatarias neutral. Walaupun secara literalnya Khir hanya menggunakan ‘secebis’ alat solek, hasilnya tetap luar biasa. Meski beg soleknya lebih besar dan kelihatan lebih mewah dari sebelum ini, Khir telah mencapai kejayaan dalam usahanya selama ini dan kekal dengan sifatnya yang merendah diri. Prinsip solekan perkahwinan Khir adalah kecantikan semula jadi perlu ditonjolkan sepenuhnya. Khidmat Khir lebih sesuai untuk acara akad nikah kerana seri pengantin dikekalkan tanpa penggunaan mekap yang terlalu tebal.

4 KID CHAN Perintis dalam bidang foto perkahwinan. Arif dengan protokol dan adat istiadat perkahwinan Melayu, Kid Chan bijak memotret saat-saat manis yang hanya berlaku sekali seumur hidup dan memelihara kenangan yang amat berharga. Taasub dengan fotografi hitam putih digital, Kid Chan menyifatkan gaya fotografi perkahwinan sebagai seni halus. Dikenali sebagai pakar di Asia, pelanggan Kid Chan terdiri dari negara serata benua seperti Jerman, Kanada, Brunei, Singapura, Hong Kong dan Perancis. Juga berpengalaman memotret golongan ternama serata dunia. Keutamaan penting adalah pembentangan terperinci ulasan visual dengan cara yang paling menyegarkan supaya pasangan mempelai dapat mengenang kembali emosi

yang dirasai semasa majlis perkahwinan.

5 SAIDATULNISA Saidatulnisa

Aminuddin merupakan antara jurusolek artis paling dikenali di Malaysia dan Brunei. Dengan lebih 15 tahun pengalaman, perkhidmatannya pasti menjadi rebutan bakal pengantin. Merupakan kakak kepada penyanyi tersohor, Ella, Saidatulnisa atau lebih dikenali sebagai Sai, telah memberi sentuhannya kepada ribuan wanita di Malaysia dan dikenali juga sebagai jurusolek diraja, terutama di kalangan kerabat Brunei Darussalam. Menurutnya, mekap perkahwinan yang sempurna bukan pada solekan yang ditata tetapi pujian tetamu yang hadir terhadap seri dan kecantikan pengantin. Saidatulnisa tidak gemar mengenakan solekan yang terlalu tebal serta penggunaan bulu mata palsu yang ketara supaya tidak mengaburi seri semula jadi pengantin.

6 SALIKIN SIDEK Rekaan Salikin Sidek lebih mengekalkan konsep tradisi warisan berzaman. Dilhamkan oleh keindahan seni alam semula jadi, membias falsafah reka bentuk yang membawa asal-usul *couture* tradisional etnik Malaysia dengan sentuhan teknologi moden rekaan fesyen. Popular dengan koleksi klasik tradisional, gaya rekaan Salikin Sidek membawa aura keanggunan misteri yang elegan dengan penggunaan songket Terengganu dan tenun sebagai taruhan. Setiap koleksi rekaannya mencampurkan siluet klasik dengan corak warna fabrik moden yang mempunyai nilai estetika tersendiri. Elemen songket sebagai suntikan gaya sesuai bagi pasangan pengantin yang inginkan penampilan warisan turun temurun.

7 DELECTABLE BY SU Menghasilkan dekorasi kek perkahwinan mengikut cita rasa anda sendiri. Bukan sahaja memukau mata malah enak juga untuk dijadikan santapan kepada tetamu undangan dengan hidangan kek dalam reka bentuk indah. Resipi oleh Huen Su-Yin melonjakkan namanya dalam seni pembuatan kek perkahwinan menggunakan *fondant* atau *sugar paste*. Bukan sahaja kaya dengan perasa yang lazat

malah sentuhan gaya hiasan perincian yang halus juga menjadikan ciptaan kek ini unik. Sama ada ciptaan kek perkahwinan empat tingkat mahupun *cupcake* kecil, Delectable menampilkan hiasan dekorasi yang benar-benar menangkap perhatian di majlis resepsi perkahwinan anda.

8 DATUK RADZUAN RADZIWILL

Sentuhan Datuk Radzuan semestinya menjadi pilihan golongan selebriti dan tidak pernah mengecewakan. Radzuan terkenal dengan rekaan busana pengantin muslimah dan antara yang paling diingati ialah rekaan kurung moden putih lengkap bertudung yang direka istimewa untuk Datuk Siti Nurhaliza di hari pernikahannya. Sentuhannya terhadap kebaya tradisional kontemporari telah menarik perhatian wanita moden Malaysia yang sentiasa mahu kelihatan *classy*, romantik dan glamor.

Radzuan menzahirkan kesopanan berpaksi kepada misteri liuk gemilai tubuh muslimah yang tersembunyi di sebalik hijab dan pakaian longgar. Koleksinya juga tampil jelita dan menawan dengan busana kaftan muslimah warna putih serta tudung sesuai dipakai pada majlis pernikahan. Penggunaan sulaman manik menyuntik gaya segar dan tampilan *French lace* turut menjadi *signature* rekaannya. Radzuan bijak menyerlahkan nilai tradisi Melayu yang sarat seni dalam rekaannya dan sesuai untuk penampilan di hari perkahwinan.

9 JOVIAN MANDAGIE Tiada keraguan tentang cita rasa mewah yang luhur pada setiap koleksi pengantin Jovian. Mahir menggunakan kristal Swarovski, Jovian menghasilkan gaun yang melekap indah pada tubuh mempelai dengan kilauan manik dan mutiara untuk mencipta kenangan terindah pada hari bahagia anda. Rekaan busana tradisional kontemporari Jovian juga tidak menghamparkan keinginan peribadi pengantin wanita. Mempelai dihias lengkap seperti ratu dengan bungkus kain mewah *French lace*, satin *duchess* dan jaring *tulle* yang dijadikan karya seni dengan menekankan siluet tubuh cantik. Koleksi pengantin

Jovian Mandagie pasti memancarkan keanggunan abadi di hari perkahwinan.

10 JUST HEAVENLY

Memulakan seni pembuatan kek sebagai trend di Kuala Lumpur. Menawarkan servis untuk majlis professional khusus dalam perkahwinan dan majlis korporat tinggi. Juga menyediakan perkhidmatan pembuatan kek untuk restoran, bistro dan cafe di serata Kuala Lumpur. Dekorasi kek perkahwinan oleh Just Heavenly ibarat ciptaan unik yang dijadikan santapan mata juga hidangan kepada tetamu. Tempahan kek perkahwinan di Just Heavenly semestinya menarik perhatian tetamu di majlis perkahwinan dan membangkitkan selera makan mereka dengan ciptaan terbaik ini. Setiap pesanan tempahan kepada Just Heavenly pasti menghasilkan karya-karya halus yang hebat dijadikan seri pada majlis anda.

11 RAZAK AHMAD Dekorasi pelamin bercita rasa tinggi oleh Flora etc. yang diasaskan Razak Ahmad memercik suasana penuh kebahagiaan. Setiap hiasan dan dekorasi sentuhan mewah pasti mengukir senyuman pada pasangan yang diraikan. Idea perhiasan lengkap bunga-bungaan segar menyambut ketibaan tetamu dan Razak bijak bermain dengan kilauan cahaya menggunakan efek pantulan pada dinding. Rekaan pelamin berdasarkan bunga segar, kain dan kristal memberi kilauan gemilang pada pengantin untuk tontonan tetamu undangan. Menghasilkan dekorasi pentas singgahsana yang tidak pernah menghamparkan mempelai, Razak sentiasa lahir dengan idea baru dan pastinya menjadi pilihan yang tepat untuk majlis perkahwinan anda.

12 NURUL SHUKOR Telah lama berkecimpung dalam arena dandanan dan solekan. Menjadi pilihan kerabat diraja dan senarai pelanggan tersohornya termasuklah Datuk Siti Nurhaliza dan Ziana Zain. Nurul Shukor terkenal

dengan gaya solekan yang menyelaraskan kepakaran dengan penataan cahaya fotograf menggunakan teknik *shading* yang mampu memberi ilusi kontur muka sempurna. Mempertaruhkan solekan kemas dengan sentuhan lembut dan tidak terlampau natural diserikan dengan stail moden menambah kemanisan wajah jelita pengantin. Solekan anggun Nurul Shukor yang tidak keterlaluan, memberi keseimbangan kepada penampilan penuh pengantin perempuan dengan busana yang digayakan.

13 PAK ABU

Menampilkan hiasan dan reka bentuk moden, rekaan pentas singgahsana atau pelamin oleh Pak Abu membangkitkan suasana keindahan dan kemasyhuran pasangan. Hasil kerja Pak Abu dalam dekorasi majlis perkahwinan sememangnya menjadi sebutan ramai. Dengan kerjasama dalam pemilihan tema warna dan elemen dekorasi serta konsep yang tepat dan sesuai pastinya menjanjikan hari bahagia seunik personaliti mempelai. Dekorasi Pak Abu tentunya akan menjadikan pelamin idaman anda satu realiti. Bunga-bungaan segar sebagai hiasan dekorasi menggamit suasana segar melahirkan konsep mewah pasti menjadi kenangan manis buat pasangan raja sehari.



11

12



13